

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN


BILANGAN 1 TAHUN 2011

PINDAAN KAEDAH 20 DAN KAEDAH 21

KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 (PINDAAN 2010)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 14/2010 yang bersidang pada 14 Julai 2010 telah meluluskan cadangan pindaan Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 dibawah bayaran pejabat dan penetapan kadar bayaran bagi pajakan keatas tanah rizab di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965 melalui kertas bilangan 14/1575/2010(4).

2. Selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut, beberapa butiran bayaran pejabat sedia ada dibawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 dipinda dan beberapa butiran bayaran baru telah ditetapkan dibawah Kaedah yang sama.
3. Kaedah 20, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 turut dipinda untuk menetapkan sewa tahunan yang perlu dikenakan bagi pajakan keatas tanah rizab sebagaimana peruntukan Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965.
4. Pindaan Kaedah 20 dan Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 ini telah disiarkan melalui warta Kn.P.U.34 bertarikh 25 November 2010 yang dibaca bersama dengan warta no.304 bertarikh 3 Mac 2011 dan warta no.1168 bertarikh 7 Julai 2011, sebagaimana yang dikembarkan bersama pekeliling ini. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bayaran-bayaran berkenaan dipungut pada kadar yang telah ditetapkan dan pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



(HJ. WAN MUSTAPHA B. WAN AB. HAMID)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN.**

**FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3(10)
BERTARIKH : 11 SYA'ABAN 1432H
13 JULAI 2011**

No.	Matter	Regulation(s)	Form(s)	Fee (RM)
10.	Annual Fee for Common Rehabilitation Fund	82(1)		20,000.00

Dated 25 August 2010
 [PTG.KN.SG. 4/1/14.SJ. 1 Jld. 2(68)]

AB. PATTAH BIN HASBULLAH
Clerk of State Executive Council
Kerajaan

Kn. P.U. 34.

KANUN TANAH NEGARA
 (Akta 56 tahun 1965)

KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2010**.

Pindaan Kaedah 20

2. Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 [Kn. P.U. 12/1967] yang disebut “Kaedah-kaedah ibu” dalam Kaedah-kaedah ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas Kaedah 20 Kaedah-kaedah yang berikut:

‘PERMOHONAN UNTUK MEMAJAK TANAH RIZAB

• 20E (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan seksyen 63 Akta, memberi pajakan atas keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah rizab untuk mana-mana tempoh yang telah melebihi dua puluh satu tahun.

(2) Setiap permohonan untuk memajak tanah rizab mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan pegawai yang pada masa itu mempunyai kawalan ke atas mana-mana tanah rizab.

(3) Setiap permohonan di bawah Kaedah ini mestilah disertakan dengan deposit bersamaan dengan lima kali sewa tahunan atau suatu jumlah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Sewa tahunan yang perlu dibayar bagi pajakan yang diberi di bawah seksyen 63 Akta dan Kaedah ini untuk memajak tanah rizab hendaklah dikira sebagaimana berikut:

$$\text{Sewa tahunan} = \frac{\text{Nilaian tanah mengikut pasaran}}{\text{Tempoh pajakan.}}$$

Pindaan Kaedah 21

3. Kaedah-Kaedah ibu dalam Kaedah-kaedah ini adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan butiran-butiran 4, 18, 58, 62, 73 dan 75 butiran-butiran berikut:

<i>Item</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Section of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Fee (RM)</i>
4.	Simultaneous application for subdivision and under section 124(1) in respect of the proposed subdivisional portions	124A	7D	180.00
18.	Application for approval of surrender and realienation	204A	12D	280.00
58.	Application for permits:			
	(a) Filling of application except for filling of application for use of air space above State Land or reserved land and lease of reserved land under section 63 of the Code			
	(b) Issue of permit in Form 4B and Form 4C	69 & 72	4B & 4C	20.00
	(c) Issue of permit in Form 4A, Form 4D and Form 4E	67, 75A & 63	4A, 4D & 4E	50.00
62.	Sale of tracing per lot:			
	(a) For first area of 1 hectare including lot with area of less than 1 hectare			10.00
	(b) For every next additional area of 0.5 hectare subject to lot with area of 40 hectare and less			5.00

<i>Item</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Section of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Fee (RM)</i>
(c)	For every next additional area of 5 hectare subject to lot with area of more than 40 hectare			5.00
73.	Special fees (instrument):			
(a)	Issue of certified letter for listing under Schedule D of Malay Reservation Enactment 1930			300.00 per title
(b)	Issue of certified letter for listing under Schedule 26A of Kelantan Land Enactment 1938			200.00 per title
(c)	Filing of application			100.00
75.	Approval under section 433B of the Code	433B		
(a)	Filing of application			1,000.00
(b)	Approval of application except for approval subject to estates distribution order			2,000.00
(b)	dengan memasukkan selepas butiran baru yang berikut:			
79.	Filing of application for approval under:			
(a)	Section 120 of National Land Code 1965			30.00
(b)	Section 104 of Kelantan Land Enactment 1938			60.00
(c)	Section 13A of Malay Reservation Enactment 1930			100.00

[For application subject to more than one of the sections mentioned above, the fee should be charged as the sum of each application's fee involved].

<i>Item</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Section of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Fee (RM)</i>
80.	Filing of application for any appeal on the State Authority's decision:			
	(a) First Appeal			100.00
	(b) Second and next appeal			100.00
81.	Application for right of way:			
	(a) Filing of application	390 & 394	28A & 28C	
	(b) Withdrawal of application			50.00
82.	Transfer of estate land:	214A	14D	
	(a) Filing of application			1,000.00
	(b) Approval under section 214A of the Code			2,000.00
83.	Filing of application for lease of reserved land	63	4E	100.00
84.	Sale of location plan			50.00
85.	Withdrawal of application under section 124(1), 124(A), 137, 142, 148 and 204(D) of the Code			10% of deposit

Bertarikh 14 Julai 2010
 [PTG.Kn.S. 3/65 SJ. 1 JLD. 8]

AB. PATTAH BIN HASEBULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kelantan

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

270

[3hb Mac 2011]

No. 304.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN) 2010

PEMBETULAN

Jadual dalam *Warta Negeri Kelantan* Kn. P.U. 34 yang disiarkan pada 25 November 2010 adalah dipinda dalam pindaan kaedah 21 –

(a) dengan menggantikan butiran “58 (a)” dengan butiran berikut:

58. Application for permits:

(a) Filling of application except for filling of application for use of air space above State Land or reserved land and lease of reserved land under section 63 of the Code.	50.00
---	-------

(b) dengan menggantikan butiran “81 (a)” dengan butiran berikut:

81. Application for right of way:

(a) Filing of application	390 & 394	28A & 28C	50.00
---------------------------	-----------	--------------	-------

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

KELANTAN LAND (AMENDMENT) RULES 2010

CORRIGENDUM

The Schedule to Kelantan *Gazette* Kn. P.U. 34 published on 25 November 2010 are amended in the amendment of rule 21 –

(a) by substituting item “58 (a)” with the following item:

58. Application for permits:

(a) Filling of application except for filling of application for use of air space above State Land or reserved land and lease of reserved land under section 63 of the Code.	50.00
---	-------

(b) by substituting item “81 (a)” with the following item:

81. Application for right of way:

(a) Filing of application	390 & 394	28A & 28C	50.00
---------------------------	-----------	--------------	-------

WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1462

[7hb Julai 2011]

No. 1168.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN) 2010

KELANTAN LAND (AMENDMENT) RULES 2010

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Jadual dalam *Warta negeri Kelantan* KN. P.U. 34 yang disiarkan pada 25 November 2010 adalah dipinda dalam pindaan kaedah 20 teks Bahasa Malaysia-

(a) dengan menggantikan butiran "20E (1)" dengan butiran berikut:

20E (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan seksyen 63 Akta, memberi pajakan atas keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah rizab untuk mana-mana tempoh yang tidak melebihi dua puluh satu tahun.

The schedule to Kelantan *Gazette* Kn. P.U. 34 published on 25 November 2010 are amended in the amendment of rule 21 in Bahasa Malaysia text-

(a) by substituting item "20E (1)" with the following item:

20E (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, mengikut peruntukan seksyen 63 Akta, memberi pajakan atas keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah rizab untuk mana-mana tempoh yang tidak melebihi dua puluh satu tahun.

Bertarikh 20 Mac 2011
Dated 20 March 2011
[PU.KN. 1/G/21]

No. 1169.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DI BAWAH SUBPERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENTS UNDER SUBPARA GRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Pertama menjadi Penolong Pentadbir Tanah